 <p>Suruhanjaya Tenaga</p>	<p>PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BIL. 03/2012 PENGUNAAN KABEL KUASA BERSAIZ 1.5MM² JENIS KUPRUM BAGI TUJUAN PENDAWAIAN LITAR LAMPU</p>	<p>NO. RUJUKAN ST/IP/PK/JKKE/ Pk.03/2012</p>
---	--	---

TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menjelaskan kepada semua konsultan, kontraktor elektrik, orang kompeten, pengilang dan pengimport kabel, dan semua pihak lain yang terlibat dalam mereka bentuk dan memasang sistem pendawaian pemasangan elektrik, mengenai keperluan penggunaan kabel kuasa bersaiz sekurang-kurangnya 1.5 mm² jenis kuprum (Copper) bagi sistem pendawaian litar lampu di bangunan.


LATARBELAKANG

2. Kaedah pemasangan sistem pendawaian bagi litar lampu bersaiz 1.5 mm² jenis kuprum telah ditetapkan dalam Garis Panduan Pendawaian Elektrik di Bangunan Kediaman yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST). Garis panduan tersebut telah dibangunkan selaras dengan kehendak-kehendak Standard Malaysia;

- i. MS IEC 60364 - Electrical Installations of Buildings*
- ii. MS 1936:2006, Electrical Installations of Buildings- Guide to MS IEC 60364 dan*
- iii. MS 1979:2007 - Electrical Installations of Buildings- Code of Practice.*

Garis panduan ini juga telah pun dimandatorikan melalui pekeling ST Bil. 2/2008 bertarikh 1 Julai 2008.


3. Bagaimana pun ST mendapati bahawa masih wujud penggunaan kabel kuasa bersaiz kurang dari 1.5 mm² bagi tujuan pendawaian litar lampu di bangunan-bangunan. Sehubungan itu, ST juga mendapati terdapat pengilang

 <p>Suruhanjaya Tenaga</p>	<p>PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BIL. 03/2012 PENGUNAAN KABEL KUASA BERSAIZ 1.5MM² JENIS KUPRUM BAGI TUJUAN PENDAWAIAN LITAR LAMPU</p>	<p>NO. RUJUKAN ST/IP/PK/JKKE/ Pk.03/2012</p>
---	---	--

kabel tempatan yang masih mengeluarkan kabel-kabel bersaiz 1.25 mm² jenis kuprum bagi tujuan pendawaian tetap.

TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL

4. Konsultan, kontraktor elektrik, orang kompeten dan semua pihak lain yang terlibat hendaklah memastikan kabel pendawaian bersaiz sekurang-kurangnya 1.5 mm² jenis kuprum sahaja digunakan bagi pendawaian tetap litar lampu.
5. Sumber maklumat dan pengenalan berikut boleh digunakan untuk mengenalpasti sama ada kabel yang digunakan adalah mematuhi standard ditetapkan;
 - i. maklumat mengenai kabel di label pada bungkusannya;
 - ii. tanda *emboss* pada kabel yang mencatatkan saiz, standard dan makmal ujian kabel berkenaan yang diiktiraf; dan
 - iii. pemeriksaan fizikal secara terus ke atas keratan rentas kabel yang menunjukkan bilangan lembar pengalir (*cable strands*), jenis pengalir dan penebatnya.
 - iv. Standard bagi kabel yang digunakan untuk tujuan pendawaian tetap ialah MS 2112:2009.
6. Penggunaan kabel kuasa bersaiz sekurang-kurangnya 1.5 mm² jenis kuprum bagi tujuan pendawaian litar lampu adalah bagi mengelak daripada berlakunya kepanasan lampau, susutan voltan atau kecacatan pada penebat kabel.

 <p>Suruhanjaya Tenaga</p>	<p>PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BIL. 03/2012</p> <p>PENGGUNAAN KABEL KUASA BERSAIZ 1.5MM² JENIS KUPRUM BAGI TUJUAN PENDAWAIAN LITAR LAMPU</p>	<p>NO. RUJUKAN</p> <p>ST/IP/PK/JKKE/ Pk.03/2012</p>
---	---	---

7. Sistem pendawaian litar lampu menggunakan kabel bersaiz sekurang-kurangnya 1.5 mm² jenis kuprum tersebut perlu dipasang secara berterusan (dari komponen fius (MCB) di papan agihan hinggalah ke poin lampu) tanpa sebarang sambungan.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN

8. Semua konsultan, kontraktor elektrik, orang kompeten, pengilang dan pengimport kabel, dan semua pihak yang terlibat dalam mereka bentuk dan memasang sistem pendawaian pemasangan elektrik adalah diingatkan supaya sentiasa mematuhi Pekeliling ST Bil. 2/2008 dan pekeliling ini. Tindakan tegas boleh diambil terhadap mana-mana pihak yang gagal mematumhinya.

Sekian, terima kasih.



(Datuk Ir. Ahmad Fauzi bin Hasan)
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga

Tarikh: 6 Ogos 2012

s.k Pengarah
Jabatan Penguatkuasaan & Penyelarasan Kawasan

Semua
Ketua Pejabat ST Kawasan, Suruhanjaya Tenaga